**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN**
**LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)**

| | |
|---|---|
| **TAJUK**<br>Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan | Memperkukuhkan Sistem Pengurusan Peraturan (RMS) di bawah Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) |
| **TARIKH/ GARIS MASA**<br>Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan | Februari – Julai 2023 (**LAMPIRAN 1**) |
| **TUJUAN & LATAR BELAKANG**<br>Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek | 1) Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) mewajibkan setiap Pengawal Selia untuk melantik Penyelaras Peraturan (RC) bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Peraturan (RMS) seperti yang ditakrifkan di dalam NPGRP.<br>2) Kementerian melalui RC juga perlu mengemukakan laporan tahunan kepada MPC yang mengandungi:<br>• Pelan peraturan tahunan yang mengandungi perancangan pindaan atau/dan pembangunan peraturan bagi tahun semasa;<br>• Laporan pencapaian dan pematuhan terhadap syarat pelaksanaan NPGRP; dan<br>• Senarai peraturan baharu dan pindaan peraturan yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya.<br>3) Inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:<br>a) Mewujudkan senarai semak untuk rujukan RC dan pengawal selia selaras dengan keperluan RMS.<br>b) Mengumpul dan menyusun peraturan sedia ada mengikut kementerian untuk rujukan MPC bagi tujuan pemantauan pelaksanaan semakan peraturan melalui pelan peraturan tahunan. |
| **JUSTIFIKASI**<br>Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan | Inisiatif untuk mewujudkan senarai semak dan pengumpulan peraturan sedia ada adalah satu keperluan bagi memastikan matlamat Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) tercapai dan peranan MPC sebagai Badan Pemantauan Kawal Selia dapat dilaksanakan dengan berkesan. |
| **KAEDAH PELAKSANAAN**<br>Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek | Libat urus bersama RC dan Pengawal Selia melalui sesi rundingan, kumpulan fokus dan bengkel. |

| | |
|---|---|
| ***STAKEHOLDERS*/ PIHAK BERKEPENTINGAN**<br>Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan | 1) RC<br>2) Pengawal Selia |
| **JANGKAAN HASIL/ *OUTCOME***<br>Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan | 1) Panduan dan rujukan yang lebih jelas kepada RC dan Pengawal selia untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Peraturan di bawah NPGRP.<br>2) Meningkatkan tahap pematuhan terhadap Sistem Pengurusan Peraturan di bawah NPGRP. |
| **JANGKAAN OUTPUT**<br>Keterangan:Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan. | 1) Senarai semak Sistem Pengurusan Peraturan.<br>2) Pusat data Peraturan |
| **KUMPULAN SASAR**<br>Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan | 1) RC<br>2) Pengawal Selia |
| **SUMBER BAJET/ KOS**<br>Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat. | <table><tr><th>PERUNTUKAN BAJET (PB)</th><th>RM</th></tr><tr><td>**Pembangunan (DE)**</td><td>51,000.00</td></tr></table><br>Perincian anggaran kos perbelanjaan seperti di **LAMPIRAN 2**. |
| **HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA**<br>Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek | Tidak berkaitan |
| **SYOR**<br>Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC | Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan inisiatif “Memperkukuhkan Pelaksanaan Pelan Peraturan Tahunan di bawah Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP)” melibatkan peruntukan sebanyak RM51,000.00 |
| **UNIT/ BAHAGIAN** | NCS/PCD |

**Sila lampirkan maklumat-maklumat lain yang berkaitan sekiranya perlu.
(Contoh: Agenda program, perincian kos, pelan risiko, gambar rajah, lakaran pelan, senarai nama, carta Gantt, dll.)

| Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain.<br>Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan. |
|---|
| **DISOKONG OLEH:**<br><br><br>**NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN**<br>**Wan Fazlin Nadia Wan Osman**<br>Jawatan: Pengarah<br>Nama Bajet: RMK-12 FORE<br>Tarikh: Feb 2023 |

| **Wajib diisi | **Wajib diisi | Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan |
|---|---|---|
| **DISEDIAKAN OLEH:**<br><br>**NAMA PEMOHON**<br>**Mohd Zulkifly Che Mohd Rawawi**<br>Pengurus<br><br>Tarikh: 9 Feb 2023 | **DISEMAK OLEH:**<br><br>**NAMA PENYELIA**<br>**Mohd Khairil Anuar Amir Hamzah**<br>Pengurus Kanan<br><br>Tarikh: 9 Feb 2023 | **DISAHKAN OLEH:**<br><br>**NAMA PENGARAH**<br>**Mohammed Alamin bin Rehan**<br>Pengarah<br><br>Tarikh: Feb 2023 |

**LAMPIRAN 1 – Jadual Perancangan (2023)**

| Bil. | Aktiviti | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Proses Perolehan - Pelantikan Perunding | | | | | | |
| 2. | Menyemak keperluan RMS di bawah NPGRP dan membangunkan deraf senarai semak | | | | | | |
| 3. | Mengumpul dan menyusun peraturan sedia ada mengikut kementerian | | | | | | |
| 4. | Melaksanakan sesi konsultasi bersama RC dan Pengawal selia | | | | | | |
| 5. | Memuktamadkan senarai semak dan pusat data peraturan berdasarkan maklum balas daripada kumpulan sasar. | | | | | | |
| 6. | Menyebarluas kepada kumpulan sasar | | | | | | |

## LAMPIRAN 2 – PERINCIAN KOS

| Bil. | Perkara | Unit | Kadar | Bil. sesi / hari | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Lantikan Perunding | 1 | 2,000 | 10 | 20,000.00 |
| 2. | Lantikan Pakar Rujuk/Khidmat Nasihat | 2 | 400 | 5 | 4,000.00 |
| 3. | Bengkel – pakej seminar/mesyuarat (makan, minum, penginapan) | 20 | 450 | 2 | 18,000.00 |
| 4. | Penulisan Laporan | 1 | 200 | 10 | 2,000.00 |
| 5. | Penyemak Laporan | 1 | 150 | 20 | 3,000.00 |
| 6. | Penerbitan Artikel/Kenyataan Akhbar | 2 | 1,000 | 2 | 4,000.00 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | **51,000.00** |